


NewspaperSG

Penat lelah Shakir berbaloi

Berita Harian, 30 November 2012, Page 22

 Article also available on Microfilm Reel NL32292

Printer-Friendly Page

Penat lelah Shakir berbaloi

SILAT

Oleh / 1 AHMAD JUPRI DAREEM

ajdareem@sph.com.sg

SEORANG pendekar tidak akan pernah kenal sikap putus asa.

Meskipun pernah gagal dua kali, galakan jurulatihnya digunapakai Muhammad Shakir Juanda dengan mencuba kali ketiga bagi mencapai impian menjadi juara dunia.

Kali pertama, beliau hanya mampu bersaing di pusingan awal semasa bertanding dalam kejohanan dunia 2007 yang diadakan di Pahang, Malaysia.

Shakir melangkah maju dalam percubaan kali kedua, Jakarta 2010, apabila beliau melayakkan diri hingga ke peringkat separuh akhir.

Bagi kali ketiga di Chiang Rai, Thai-

 Scroll to Top

land, puia denau menjacukan azam kentalnya sebagai intipati kejayaan untuk mencipta nama dalam seni silat demi mengharumkan nama negara.

Hasil kegigihan dan keyakinannya, Shakir, 24 tahun, akhirnya menjadi jaguh silat negara kelapan muncul sebagai juara dunia.

Shakir menang Kategori I (85-90kg) dalam Kejohanan Pencak Silat Dunia 2012 yang berlangsung minggu lalu dengan menjulang piala Seni Pencak Silat Dunia yang menjadi idaman ramai pencinta silat.

Kali terakhir pesilat negara meraih kejayaan dalam kejohanan dunia ialah pada 2007.

Mohd Razif Moklas, Imran Abdul Rahman muncul juara perseorangan sementara gabungan Syariff Hidayatullah Abdul Razif, Abdul Rahim Anwar dan Hafiz Mohd Azhar pula muncul sebagai juara regu seni dunia.

“Jurulatih saya kerap memberikan semangat dan menanamkan keyakinan ke atas diri saya sambil memberi galakan supaya merebut peluang yang diberi kali ini,” imbas Shakir kepada wartawan ketika ditemui di Dewan Persisi.

Mengimbas perlawanan akhir sebanyak tiga pusingan itu, Shakir berkata beliau bermula dengan agak lembap akibat kurang bersedia setelah diserang dan diterkam bertubi-tubi pesilat Vietnam, Le Si Kien.

“Di akhir pusingan kedua, saya nampak pesilat Vietnam itu memegang lututnya dan itu membakar semangat saya untuk bertindak bagi memenangi perlawanan,” jelas Shakir dengan senyum lebar.

Melihat lawannya yang kepenatan, Shakir mula mengorak langkah dan menyerang dengan penuh yakin bahawa itulah masanya untuk meraih kejayaan.

“Saya bersyukur dan puas hati atas

kejayaan ini kerana semua usaha gigih yang dilakukan selama ini akhirnya berbaloi,” ujar Shakir penuh bangga.

Kini, namanya terpahat dalam Hall of Fame Persisi, di samping juara-juara silat dunia yang lain, termasuk juara silat dunia pertama Singapura, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican.

“Saya bangga dengan kemunculan seorang lagi juara dunia di kalangan pesilat Singapura kerana memanglah sukar menghasilkan seorang juara dunia,” ujar Sheik Alau'ddin, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Persisi.

Beliau berharap kejayaan Shakir dapat merangsang pesilat lain berusaha lebih gigih bagi meraih kejayaan serupa dan mengharumkan nama negara dalam dunia persilatan.

Senarai Juara Silat Lelaki Dunia dari Singapura:

1. Sheik Alau'ddin, 1990 dan 1994
2. Hidayat Hosni, 1994
3. Abdul Kadir Ibrahim, 1997
4. Mohd Zulfakar Mohd Ramli, 2002
5. Mohd Yusoff Shah Kamaruzaman, 2004
6. Mohd Imran Abdul Rahman, 2004 dan 2007
7. Mohd Razif Moklas, 2007
8. Muhammad Shakir Juanda, 2012

Juara Seni Silat Wanita Dunia:

1. Badriyah Hosni, 1992
2. Zuhrah Mohd Sabri, 2004
3. Saiedah Said, 2004.



MUHAMMAD SHAKIR JUANDA: Menunjukkan piala dan pingat yang dimenangkinya selaku juara dunia pencak silat 2012. – Foto TUKIMAN WARJI

- Foto TUKIMAN WARJI